

Ramadan masa terbaik buat transformasi diri

Ramadan medan tarbiyah (didikan) yang Allah sediakan untuk hamba-Nya. Hal ini kerana bulan Ramadan mendidik kita mengawal nafsu serta menahan diri dari makan, minum dan melakukan perbuatan yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.

Malah, Ramadan saat yang menggembirakan umat Islam seluruhnya terutama ketika masuk waktu berbuka puasa. Dalam sebuah hadis juga tercatat, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Orang yang berpuasa itu mempunyai dua kegembiraan. Pertama, kegembiraan ketika berbuka dan kedua, kegembiraan ketika menemui Tuhannya."

Ramadan pasti juga membuatkan umat Islam bergembira kerana pelbagai sebab yang relevan dengan diri masing-masing. Barangkali situasi biasa dalam kalangan umat Islam di Malaysia adalah, perasaan gembira dan tidak sabar menikmati juadah yang pelbagai juga sibuk memikirkan juadah yang lazat untuk berbuka.

Tidak kurang pula bagi mereka yang mengejar keuntungan di bazar Ramadan, akan tetapi kebanyakannya terlupa untuk mengejar sesuatu yang lebih berharga, iaitu pahala pada malam 'lailatulqadar' (lebih baik dari seribu bulan) iaitu malam penuh keberkatan yang dijanjikan Allah buat hamba-Nya yang beriman dan bertakwa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qadr, maksudnya: "Sesungguhnya kami menurunkan al-Quran pada malam 'Lailatulqadar' dan apakah yang menyebabkan engkau mengerti

apa itu 'Lailatulqadar'. 'Lailatulqadar' lebih baik daripada 1000 bulan. Pada malam itu, malaikat dan Jibril turun dengan keizinan daripada Tuhan mereka untuk setiap

urusan. Malam ini sejahtera hingga terbit fajar".

Menerusi ayat ini dapat diperhatikan betapa penting dan besarnya keberkatan yang dijanjikan oleh Allah buat hamba-hambanya. Oleh itu, teramatlah rugi bagi mereka yang terlepas untuk beribadah pada malam tersebut.

Terlupa nikmat Allah

Walau bagaimanapun, kadangkala manusia terlupa dengan nikmat Allah yang melimpah ruah lantas terjadilah pesta makanan dan pembaziran. Tidak salah untuk makan, malah ia dituntut untuk menjaga kemaslahatan manusia. Akan tetapi, apabila sudah berlebihan, maka terjadilah pembaziran.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada tuhannya." (Surah Al-Isra, 27).

Berhubung dengan larangan pembaziran ini juga, Rasulullah SAW bersabda di dalam hadisnya yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atas kamu menderhaka kepada ibu, menanam anak perempuan hidup-hidup, enggan memberi sedekah miliknya tetapi meminta-minta milik orang lain dan ditegah ke atas kamu tiga perkara, iaitu mengada-adakan cerita, banyak bertanya dan membazirkan harta." (Riwayat al-Bukhari)

Kebuluran di Somalia

Dalam sebuah rancangan televisyen Arab turut mendedahkan satu isu mengenai kisah Ramadan. Seorang pemanggil dari Somalia membuat panggilan dan bertanya soalan kepada ahli panel yang dijemput dalam rancangan tersebut. Si pemanggil bertanya, "adakah puasa saya dan ahli keluarga sah sedangkan kami tidak dapat bersahur mahupun berbuka kerana kami tiada makanan?"

Kisah ini sangat menyayat hati sehinggakan ahli panel juga turut mengalirkan air mata dengan per-

tanyaan itu. Adakah kita masih berselera untuk makan sedangkan ada saudara kita yang sangat kebuluran. Inilah salah satu matlamat Ramadan yang mana mampu mendidik manusia untuk merasa juga keadaan berlapar dan penderitaan mereka.

Bukan itu saja, ia mendidik agar manusia sentiasa bermurah hati dan rajin bersedekah apabila melihat orang yang kelaparan dan kesusahan kerana kita juga pernah merasa betapa peritnya menderita kelaparan ketika menjalani ibadah berpuasa.

Umat Islam seharusnya beringat bahawa di sebalik kesenangan yang kita lalui sekarang, terselit seribu kesengsaraan yang dialami manusia lain di seluruh dunia. Berazamlah untuk menjadikan Ramadan waktu terbaik untuk transformasi diri dan mendidik jiwa ke arah yang lebih baik.

Siti Asiah Abd Hamid,
Universiti Sains Islam Malaysia